



PERATURAN PERTANDINGAN PING PONG

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa dan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA .

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

2.1 Lelaki

2.1.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 7 orang pemain.

2.2 Wanita

2.2.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 4 orang pemain.

2.2.2 Senarai pendaftaran pemain hendaklah disertakan kepada urusetia pertandingan **SEHARI** sebelum pertandingan pertama dimulakan.

2.2.3 Senarai nama pemain mengikut susunan pertandingan hendaklah diserahkan kepada pengadil rasmi 15 minit sebelum pertandingan dimulakan.

3.0 SISTEM PERTANDINGAN

3.1 Semua pertandingan akan dijalankan secara Liga dalam kumpulan. Untuk pusingan kedua dan seterusnya akan dijalankan secara kalah mati.

3.2 Semua pertandingan akan dijalankan dengan Kiraan “Best Of 3”

3.3 Diperingkat Separuh Akhir dan Akhir Kiraan akan menjadi “Best Of 5”

3.3 Tiada perlawanan untuk tempat ketiga dan keempat. Kedua-dua pihak terus diisytiharkan sebagai pemenang tempat ketiga.

3.4 Kiraan Mata. Menang (2 Mata), Seri (1 Mata). Sekiranya Mata 2 Pasukan sama kaedah *Head To Head* akan digunakan.

3.5 Sekiranya lebih dari 2 pasukan sama mata

3.5.1 Nisbah perlawanan menang dan perlawanan kalah antara pasukan terlibat

3.5.2 Nisbah set menang dan set kalah antara pasukan terlibat jika masih sama

3.5.3 Nisbah mata menang dan mata kalah antara pasukan terlibat jika masih sama

3.5.4 Pihak teknikal akan menggunakan apa-apa kaedah yg sesuai untuk menentukan kedudukan

3.6 Pengadil diperingkat Liga adalah dikalangan pemain dipantau oleh urusetia dan Pengadil akan disediakan dari peringkat kalah mati.

3.7 Pemain boleh bermain hanya ‘Sekali Sahaja’ semasa Tie Perlawanan Berjalan.

4.0 PAKAIAN

Pakaian yang sesuai dengan permainan ping pong.

5.0 SUSUNAN PERLAWAN (TIE) ADALAH SEPERTI BERIKUT

- 5.1 Perseorangan Lelaki
- Perseorangan Wanita
- Bergu Lelaki Pertama
- Bergu Wanita
- Bergu Lelaki Kedua

6.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

7.0 MELAPOR DIRI/KELEWATAN

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.

Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 11-0,11-0 & 11-0.Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

8.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad